



PERDANA MENTERI KITA

S. Hashim Ahmad

**TUNKU ABDUL RAHMAN
PUTRA AL-HAJ**

Perdana Menteri Kita

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

Era Kemerdekaan

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
(ARKIB NEGARA MALAYSIA)
JALAN PERDANA
50480 KUALA LUMPUR.
TEL: 26937740
FAKS: 26937335



S. HASHIM AHMAD



Semua ilustrasi dan penambahan warna pada gambar-gambar sejarah hanyalah hiasan mengikut jalan cerita dan imiginasi penerbit. Ini adalah semata-mata untuk memudahkan kefahaman pembaca. Ianya tidaklah bermaksud menggambarkan mana-mana watak sebenar.

© September 2001 S.Hashim Ahmad
JUZ' ART

Terbitan:

JUZ' ART (000978011-D)
32 Jalan Watan 7,
Taman Sri Watan,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel/Fax : 03-4296 6718
E-mail : juzart@hotmail.com

Hakcipta terpelihara.

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem kekal atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

S. Hashim Ahmad

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj perdana menteri kita :
era kemerdekaan / S. Hashim Ahmad.

ISBN 983-99269-4-2

1. Tunku Abdul Rahman Putra, al-Haj, 1903-1990. 2. Prime
ministers--Malaysia--Biography. 3. Malaysia--History. I. Judul.
923.2595

Terima kasih kepada: Kumpulan Akhbar Utusan Melayu, Bahagian Foto Jabatan
Penerangan Malaysia, Bahagian Penyelidikan Ibu Pejabat UMNO Malaysia dan
mereka yang telah membantu sama ada syarikat mahupun individu.

Pencetak:

BENDIGO ENTERPRISE (001054136-P)
No. 27 Jalan Gangsa SD 5/3C,
Sri Damansara Industrial Park,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.

Pengarah Penerbitan : Syed Shahron

Pengarah Grafik : Syed Shahrin

Penolong Grafik : Sharifah Suriani & Syed Shahmir

Rekaletak Huruf : Zuraini Mat Yasim

Pengawal Mutu : Zabedah Mohd Shahir & Mohd Asri Asgari



TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA Al-Haj adalah Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Oleh kerana Tunku adalah pemimpin yang berjaya berjuang sehingga negara Malaya mendapat Kemerdekaan daripada penjajah Inggeris maka, Tunku Abdul Rahman telah diiktiraf dan digelar sebagai "Bapa Kemerdekaan".

Tunku dilahirkan pada 8 Febuari 1903. Tunku merupakan putera ke tujuh kepada Sultan Abdul Hamid Shah Sultan Kedah yang ke 24. Bonda Tunku bernama Manjelara atau dipanggil dengan nama Makche Manjelara. Ada juga yang memanggilnya dengan panggilan Che Manjelara atau Manjelara sahaja.



Tunku bergambar bersama ayahandanya Sultan Abdul Hamid dan Ibu kesayangannya Makche Manjelara serta kedua-dua anakandanya.

Zaman kanak-kanak Tunku, Negara Malaya umumnya dan negeri Kedah khususnya masih belum lagi ada bekalan elektrik dan air. Mutu kehidupan kesihatan rakyat terutama di kampung-kampung dan desa berada di tahap amat rendah.

Penduduk kampung sering diserang penyakit-penyakit seperti **demam malaria** dan **taun**. Malahan Tunku sendiri pernah menghidapi penyakit serupa itu sewaktu beliau masih kecil.



Tunku sendiri pernah melihat mayat rakan-rakannya diusung kerana diserang penyakit-penyakit tersebut. Hati kecil Tunku begitu terusik dan sedih melihat nasib yang menimpa kawan-kawan dan penduduk kampung.

Tunku tinggal di Istana Kota Lama yang dikenali sebagai 'Istana Tiga Tangga'. Menurut cerita Istana Kota Lama telah dibina oleh seorang tukang bina berbangsa Cina sejak 90 tahun sebelum Tunku dilahirkan dan kini Istana tersebut sudah dirobohkan.

Demam malaria - penyakit yang disebabkan oleh nyamuk
Taun - penyakit yang disebabkan oleh lalat





Nama timangan Tunku ialah "Awang". Dalam usia lima tahun Tunku bermain dalam istana dengan adik beradiknya dan anak-anak para pekerja istana. Tetapi setelah usianya meningkat dewasa beliau keluar dari

kalangan istana dan bermain bersama kawan-kawan sebaya dengannya yang tinggal di kampung berhampiran.

Dalam usia remaja, Tunku lebih gemar **berkaki ayam** ketika bermain. Menerusi pergaulan dengan anak-anak kampung, Tunku banyak menimba pengalaman termasuk pengetahuan mengenai burung yang terdapat dalam negeri Kedah.

Dalam masa yang sama juga, Tunku tidak melepaskan peluang belajar bagaimana hendak memikat Sintar Api dan menjerat burung tersebut. Bagaimanapun burung-burung yang pernah ditangkap Tunku ada yang dimakan dan ada juga yang dipeliharanya, seperti burung Merbah Bidan.

Berkaki ayam - Tidak memakai apa-apa di kaki

Usia lapan tahun Tunku memulakan alam persekolahan. Beliau dimasukkan ke sebuah sekolah di Alor Setar. Kini sekolah tersebut dinamakan Maktab Sultan Abdul Hamid. Keadaan sekolah tersebut ketika itu tidaklah seperti hari ini. Ianya adalah sebuah bangunan sementara yang



dindingnya diperbuat daripada bahan kayu dan dicat dengan warna hijau. Beberapa anak tangga dibina menghubungkan setiap pintu masuk.

Murid-murid ke sekolah berjalan kaki tetapi Tunku bernasib baik kerana beliau ada kenderaan yang disediakan. Kenderaan Tunku adalah seorang pekerja istana bernama 'Pak Idris'. Di atas bahu Pak Idrislah Tunku di bawa dari istana ke sekolah pada setiap pagi. Oleh kerana Tunku sering diejek kawan-kawan, beliau terasa malu dan ada kalanya beliau tidak mahu didokong dan berjalan kaki ditemani Pak Idris.

Suatu hari, Tunku ke sekolah dengan memakai tengkolok di Raja yang *bertatahkan* emas. Guru besar sekolah tersebut ialah Master Mohamad Iskandar iaitu bapa kepada Dr. Mahathir Mohamad (Perdana Menteri Malaysia sekarang). Guru Besar merasa begitu bimbang dengan pakaian Tunku itu. Master Mohamad Iskandar tidak mahu kejadian sedemikian berulang lagi lalu beliau menemui bonda Tunku Makche Manjelara dan memberitahu akan kebimbangannya kepada keselamatan tengkolok di Raja bertakhta emas yang dipakai oleh Tunku.


Beliau juga memohon kerjasama Makche Manjelara supaya Tunku tidak lagi memakai tengkolok tersebut kerana takut sekiranya ia hilang atau berlaku kejadian yang tidak diinginkan ke atas keselamatan Tunku. Mendengar penjelasan dan

Bertatahkan - berhiaskan



permohonan Guru Besar itu, Makche Manjelara bersetuju, semenjak itu Tunku tidak lagi memakai **tengkolok** di Raja yang bertatahkan emas.

Tunku sememangnya tidak suka dikongkong dan sifatnya begitu nakal. Suatu hari guru kelasnya, Master Hassan tidak tahan dengan kenakalan Tunku dan mengadu kepada Guru Besar. Tunku kemudiannya dihukum



duduk berhampiran meja Master Hassan. Pada Tunku, hukuman yang diterimanya itu tidak menyeronokkan dan mula terasa resah dengan hukuman tersebut.

Beberapa ketika selepas kejadian itu, Tunku tidak lagi bersekolah dan tinggal di istana. Beliau sering bermain dengan kanak-kanak sebaya dengannya dan seringkali juga bersama rakan-rakannya mandi di sungai di belakang istana yang menjadi tempat mereka bersukaria. Di sungai itu ada buaya-buaya berkeliaran. Buaya-buaya itu tidak kenal siapa Tunku, ada peluang di***baham***nya.

Tengkolok - tanjak, kain penutup kepala
baham - makan dengan gelojoh






Bonda Tunku tidak mahu mengambil **risiko** anak kesayangannya itu menjadi mangsa kepada buaya-buaya lapar, Tunku kemudiannya dimasukkan ke sekolah Melayu. Tetapi sekolah kedua juga tidak menyeronokkan Tunku.

Tidak beberapa lama kemudian, Tunku menyambung semula persekolahannya di sebuah rumah yang dijadikan sekolah Inggeris yang baru di Alor Star oleh pihak berkuasa. Di sekolah baru inilah beliau menyambung kembali pelajarannya yang tertinggal.

Risiko - kemungkinan menghadapi bahaya atau kerugian



Semasa Tunku berusia kira-kira 13 tahun, kekandanya Tunku Yusoff yang tinggal di Bangkok pulang ke Alor Star memohon *perkenan* ayahanda Tuanku Sultan Abdul Hamid dan bonda Makche Manjalera untuk membawa Tunku ke Siam di bawah jagaannya. Tunku Yusoff memohon supaya Tunku dapat menyambung pelajaran bahasa Inggeris di sebuah sekolah di Bangkok.

Ayahanda dan Bonda Tunku berkenan melepaskan anak kesayangan mereka untuk tinggal di bawah jagaan Tunku Yusoff. Maka *berangkatlah* Tunku ke negara Siam (Thailand) bersama kekandanya itu.

Tunku dimasukkan ke Sekolah Debsirindir. Nama sekolah tersebut diambil sempena nama bonda Raja Siam, "Chulalongkorn". Raja Chulalongkorn telah mengambil Tunku Yusoff sebagai putera angkatnya. Di sekolah Debsrindir yang terletak di tengah-tengah kota Bangkok inilah Tunku meneruskan pelajaran bahasa Inggerisnya disamping belajar bahasa Siam.

Perkenan - keizinan

Berangkat - bertolak atau berlepas



Gambar Tunku semasa menjadi pelajar. Beliau seorang yang segar dan kemas.

Di sekolah Debsrindir, Tunku menyertai pasukan pengakap. Beliau juga pernah menjadi Ketua Pasukan Pengakap. Selepas waktu sekolah, Tunku sering berbasikal bersama-sama kawan-kawan berjam-jam mengeliling kota Bangkok.

Dalam masa satu tahun, Tunku mengalami keseronokan berada di Bangkok tiba-tiba kekanda kesayangannya Tunku Yusoff di serang penyakit radang paru-paru. Akhirnya Tunku Yusoff mangkat. Jenazah Almarhum Tunku Yusoff *disemadikan* di tanah Perkuburan orang-orang Islam di Mahang, Bangkok.

Kemangkatan kekandanya amat menyedihkan Tunku. Beliau tidak mempunyai tempat bergantung lagi di Bangkok dan Tunku membuat keputusan untuk pulang ke Alor Star.

Sekembali Tunku ke tanah air dalam tahun 1916, beliau telah dimasukkan ke Penang Free School di Pulau Pinang dalam darjah dua. Semasa menduduki darjah dua ini Tunku diajar oleh seorang guru yang cekap tetapi garang bernama Encik Goh. Dalam masa yang sama, Tunku juga mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada guru-guru berbangsa Inggeris bernama, Mr. Hamilton, Mr. Davies, Mr. Butler dan Mr. Star.


Disemadikan - dikuburkan, dikebumikan



Tunku di sebelah kanan bersama sahabat karib semasa menganggotai kumpulan pengakap sekolah



Tendangan emas merasmikan perlawanan bolasepak antara Selangor menentang Melaka.



Oleh kerana Tunku merupakan seorang pelajar yang cerdik dan azamnya kuat untuk melanjutkan pelajaran maka dalam masa enam bulan sahaja belajar di Penang Free School Tunku lulus peperiksaan dan dinaikkan dua darjah lagi. Dalam masa dua tahun, Tunku berjaya menduduki darjah Tujuh. Darjah tujuh adalah darjah yang tinggi di sekolah tersebut zaman itu.

Tunku aktif dalam bidang sukan. Beliau juga pernah menjadi Ketua Pasukan bola sepak bagi Penang Free School. Kebolehan beliau bermain bola sepak amat baik dan membanggakan pihak sekolah. Maka tidaklah menghairankan beliau mengasaskan Liga bolasepak negara - "Pesta Bola Merdeka".



Bergambar setelah menerima ijazah dari St. Catherine, Cambridge pada tahun 1925.

Apabila Tunku berjaya dalam peperiksaan darjah tujuh, beliau diberi peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara. Tunku telah mendapat tawaran biasiswa. Tunku melanjutkan pelajaran di St. Catherine College dan seterusnya ke Cambridge University, England.

Tunku berlepas ke England pada bulan Mei 1920 dengan menaiki kapal kargo bernama 'Rhesus' dari Singapura menuju ke Southampton

England. Di dalam kapal tersebut Tunku berkongsi kabin dengan tiga orang pegawai kapal.

Tunku berada dalam pelayaran selama tiga minggu dan singgah di beberapa pelabuhan, antaranya di Colombo, Sri Lanka, Aden dan Gibraltar. Tiga minggu berlayar menaiki



Tunku duduk dikanan sekali bersama pasukan bola sepak sekolah beliau St. Catherine's College. Walaupun sibuk dengan pelajaran, beliau turut aktif dalam bidang sukan terutamanya sukan bola sepak.

kapal terasa amat lama. Kapal Rhesus yang membawa Tunku sebagai salah seorang penumpang itu akhirnya selamat tiba di pelabuhan Southampton pada bulan Jun 1920.

Setelah berjaya dalam ujian matrikulasi, Tunku diterima masuk ke St. Catherine's College, Cambridge University untuk semester 1922-1923. Di Cambridge, Tunku tinggal di sebuah rumah yang terletak di Hardwicke Street. Tunku juga terus mengasah bakatnya sebagai pemain bola sepak sayap kanan untuk pasukan kolej tersebut.



Tunku menerima ijazah kedoktoran dalam bidang undang-undang daripada Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tunku tiga kali berulang-alik dari Malaya ke England kerana pelajarannya tertangguh-tangguh. Kekanda-kekandanya Tunku Badlishah dan Tunku Ahmad Jawa amat bimbang dan marah kepada Tunku kerana tidak menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajarannya.

Kali ketiga ke England, Tunku bertemu dengan Tuanku Abdul Rahman (Almarhum) iaitu Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Pertama Malaysia yang sedang menuntut di jurusan undang-undang.

Kedua-dua anak raja yang secara kebetulan namanya 'Abdul

Rahman' sering berbincang dan memikirkan betapa pentingnya nasib orang orang Melayu di tanah air dibela dengan apa jua cara dan saluran yang sempurna.



Tunku bersama isteri beliau Sharifah Rodziah sedang menyemak nama di Pusat Undi.

Perbincangan antara anak-anak Raja Melayu itu sering diadakan dan hasil dari pandangan dan perbincangan bersama, mereka mengambil keputusan menubuhkan

'Malay Society of Great Britain' atau dalam bahasa Malaysia dikenali dengan nama 'Kesatuan Melayu United Kingdom'.

Tuanku Abdul Rahman telah dilantik sebagai Presiden pertama manakala Tunku Abdul Rahman pula dipilih sebagai Setiausaha Agong. Apabila Tuanku Abdul Rahman pulang ke tanah air, Tunku Abdul Rahman mengambil alih jawatan Presiden.


Pada awal tahun 1931, Tunku pulang ke Kedah. Pada bulan April tahun yang sama, Tunku bekerja sebagai Penolong Pegawai Daerah Kulim, Kedah. Tunku kemudiannya di

pindahkan ke Kuala Nerang yang menjadi pusat tadbir bagi daerah Padang Terap.

Pada tahun 1933 Tunku dilantik sebagai penolong Pegawai Daerah kepada Pegawai Daerah Kulim. Pengalaman Tunku menjadi Penolong Pegawai Daerah memberikan banyak kesedaran kepada dirinya betapa sukar dan seksanya rakyat untuk mendapatkan kemudahan seperti perubatan, pendidikan dengan kehidupan yang begitu *daif*. Ekonomi rakyat terutama orang-orang Melayu sungguh mundur dan miskin.

Tunku sendiri pernah terasa marah dan bosan dengan kerenah penjajah Inggeris kerana menolak permohonannya untuk mendapatkan kelulusan bekalan elektrik dan saluran air yang bersih bagi memberi tahap penghidupan rakyat lebih sempurna dan kesihatan yang lebih terjamin agar penyakit-penyakit seperti malaria tidak berterusan dihidapi oleh penduduk-penduduk kampung.

Semasa usia Tunku meningkat 29 tahun, bondanya berkeinginan untuk melihat Tunku menamatkan zaman bujangnya. Makche Manjelara meminta Tunku memilih mana-



Tunku sentiasa melawat dan sangat prihatin kepada rakyat dan memastikan nasib rakyat sentiasa terbela tidak kira bangsa dan agama. Inilah pemimpin sebenar yang berjiwa rakyat.

mana puteri Sultan dalam negara untuk dipinangnya. Tetapi desakan bondanya itu tidak dijawab oleh Tunku. Bagaimanapun Tunku berjanji kepada bondanya bahawa beliau akan berkahwin tidak lama lagi.

Tunku **tertambat hati** dengan seorang gadis berketurunan Cina di mana ibunya pula berketurunan Siam. Bapa gadis tersebut adalah seorang ahli perniagaan timah di Alor Star yang Tunku kenal rapat.

Tunku merasakan bahawa gadis berketurunan Cina itu adalah

Daif - kekurangan, kelemahan, hina

Tertambat hati - terpikat

pilihan yang baik untuk diberitahu kepada bondanya. Apa yang diharapkan oleh Tunku memang menjadi kenyataan. Maka berlangsunglah perkahwinan antara Tunku Abdul Rahman dengan gadis pilihannya yang memeluk agama Islam dan mengambil nama 'Meriam'.



Beliau sangat disayangi dan disanjung oleh rakyat pelbagai bangsa dan agama.

Perkahwinan Tunku bersama Meriam telah dikurniakan dengan dua orang cahaya mata. Puteri sulungnya bernama Tunku Khatijah manakala puteranya bernama Tunku Ahmad Nerang. Malang menimpa Tunku kerana isterinya Meriam yang baru 33

hari melahirkan Tunku Ahmad

Nerang meninggal dunia kerana diserang penyakit malaria. Jenazah Allahyarhamah dikebumikan di Makam di Raja Langgar, Kedah.

Tidak berapa lama kemudian, Tunku mengambil keputusan untuk mencari seorang isteri sebagai ganti. Tunku bertemu jodoh dengan seorang gadis anak keluarga yang terkenal di Kedah bernama Sharifah Rodziah.

Perkahwinan Tunku Abdul Rahman dengan Sharifah Rodziah berlangsung pada tahun 1939. Jodoh perkahwinan mereka kekal hinggalah ke akhir hayatnya. Tunku Abdul Rahman Putra



Bersama keluarga yang tersayang. Dari kiri: Puterinya Mariam, Syarifah Rodziah, Tunku, puteri bongsunya Faridah dan puteranya Sulaiman.

Al Haj, Perdana Menteri Malaysia Pertama dan Bapa Kemerdekaan negara kembali ke Rahmatullah pada 10 Disember 1990.

Semasa hayatnya, Tunku merupakan seorang pemimpin berdarah raja yang berjiwa rakyat. Ketika orang Melayu menghadapi perpecahan dalam tahun 1951 kerana Datuk Onn (Allahyarham) bertindak keluar daripada parti UMNO, Tunku mengambil tampuk pimpinan dan berusaha gigih tanpa mengenal penat lelah menyeru supaya orang-orang Melayu tidak berpecah.



Sultan Azlan Shah , Yang Dipertuan Agong bersama-sama Menteri-Menteri Kabinet dan beribu-ribu rakyat jelata dari seluruh pelusuk tanah air mengiringi Jenazah Almarhum Tunku, pejuang tanah air sebagai tanda hormat.



Kebebasan tanpa pertumpahan darah. Kebijakan Tunku memerdekakan negara hanya menggunakan mata pena apabila menandatangani perjanjian kemerdekaan.


Tunku bimbang sekiranya orang Melayu berpecah, penyatuan yang diharapkan supaya semua kaum di negara ini dapat hidup dalam keadaan rukun, damai dan harmoni akan gagal sekiranya orang Melayu yang menjadi tunjang kepada perpaduan tidak dapat bersatu kembali.

Usaha murni Tunku bersama rakan-rakan yang benar-benar mahu melihat orang Melayu kembali bersatu dan seluruh rakyat hidup dalam sebuah negara yang harmoni akhirnya berjaya. Susulan daripada itu beliau meneruskan usaha untuk memerdekakan negara.

Bersama rakan-rakan Melayu, Cina dan India, beliau akhirnya dapat menyakinkan pihak Inggeris bahawa rakyat Malaya sedia bersatu hidup dalam negara Malaya. Cara yang dibawa oleh pemimpin ulung negara itu amat dikagumi kerana berjaya mendapat kemerdekaan dan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957 tanpa menumpahkan setitik darah rakyat.

Memerdekakan negara merupakan suatu hadiah paling besar yang diberi oleh pejuang-pejuang negara yang dipimpin oleh Tunku dizamannya. Oleh kerana itu, rakyat perlu menjaganya dengan sebaik mungkin.

Di hari bersejarah tanggal 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, Tunku melaungkan kata keramat bersama beribu-ribu rakyat.
"MERDEKA!,
MERDEKA!,
MERDEKA!,
MERDEKA!,
MERDEKA!,
MERDEKA!,
MERDEKA!"





Rakyat pelbagai bangsa sentiasa berada di belakang Tunku untuk memberi sepenuh kepercayaan kepada beliau. Kelihatan Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia Ke-2 di sebelah kanan Tunku.

Tunku telah berjaya **merintis** penyatuan kaum di mana parti MCA daripada kalangan orang-orang Cina dan MIC daripada kalangan orang-orang India menjadi satu gabungan dalam ikatan yang dinamakan "Perikatan".

Negara di bawah pimpinan Tunku sebagai Perdana Menteri banyak membawa kemakmuran dengan terlaksananya projek-projek pembangunan dan infrastruktur, kesihatan, pendidikan dan **pembasmian** kemiskinan bagi meningkatkan sosio ekonomi rakyat dan negara yang lebih sempurna dan terjamin.

Tunku juga meningkatkan syiar Islam dalam negara dengan

merintis - orang yang pertama mengusahakan sesuatu

Pembasmian - menghapuskan, menghilangkan

memperluaskan kegiatan-kegiatan meningkatkan agama Islam di kalangan umat. Beliau juga mengilhamkan pertandingan membaca Al-Quran yang pada mulanya dinamakan "Musabaqah Al-Quran" yang kini dikenali dengan "Tilawah Al-Quran".

Terlalu banyak jasa beliau kepada rakyat dan negara. Ketika Presiden Indonesia Sukarno mengisytiharkan konfrantasi terhadap Malaysia dengan "Ganyang Malaysia", Tunku berjaya mengatasinya. Segala jasa dan pengorbanan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, "Bapa Kemerdekaan" tetap menjadi khazanah sejarah negara kita. Budinya terlalu mahal untuk rakyat dan negara membalasnya.



meninggalkan kita pada 6 Disember 1990 dan jenazahnya telah disemadikan di Makam Diraja Langgar, Alor Star Kedah. Jasa, bakti dan perjuangannya tetap dikenang sepanjang zaman. Sama-samalah kita umat Islam menghadiahkan al-fatihah ke atas rohnya. Amin.



Perginya seorang pejuang yang jasanya tidak ternilai dan tidak terbalas oleh kita semua. Kita hanya mampu memberi sedekah al-fatehah dan berdoa semoga Allah menempatkan beliau bersama-sama orang-orang yang beriman. AMIN.

شهرستان کردیکان

در ضمن نام الله بزرگوار و سرور اولی مظهری از بندگان الهی و بزرگواران
دین عالی و از اسلام و شریعت و کتاب و سنن

هوای اولی که در آنجا مشاهده می شود از آن جهت است که در آنجا در تمام طرفها
بجز در کمال بود و انبساط بسیار که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود

دان هوای اولی که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود از آن جهت است که در آنجا در تمام طرفها
بجز در کمال بود و انبساط بسیار که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود

دان هوای اولی که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود از آن جهت است که در آنجا در تمام طرفها
بجز در کمال بود و انبساط بسیار که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود

دان هوای اولی که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود از آن جهت است که در آنجا در تمام طرفها
بجز در کمال بود و انبساط بسیار که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود

دان هوای اولی که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود از آن جهت است که در آنجا در تمام طرفها
بجز در کمال بود و انبساط بسیار که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود

دان هوای اولی که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود از آن جهت است که در آنجا در تمام طرفها
بجز در کمال بود و انبساط بسیار که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود

دان هوای اولی که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود از آن جهت است که در آنجا در تمام طرفها
بجز در کمال بود و انبساط بسیار که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود

دان هوای اولی که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود از آن جهت است که در آنجا در تمام طرفها
بجز در کمال بود و انبساط بسیار که در آنجا در تمام طرفها مشاهده می شود

سید محمد
فون مستقر

لا اله الا الله
لا علیه الا حسرت



MASYHURAN KEMERDEKAAN

Dengan nama Allah Yang Maha pemurah lagi mengasihani, segala puji bagi Allah yang maha berkuasa dan selawat dan salam ke atas sekalian rasulNya.

Bahawasanya oleh kerana telah tibalah masanya bagi umat Persekutuan Tanah Melayu ini mencapai taraf sebuah bangsa yang merdeka lagi berdaulat, sama stabil kedudukannya dengan segala bangsa di seluruh dunia.

Dan bahawasanya oleh kerana dengan perjanjian yang disebut tamat perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 1957 yang diperbuat di antara Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja negeri Melayu, maka telah dipersetujui bahawa negeri-negeri Melayu iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Perak. Serta negeri yang dahulunya dinamakan negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Mulai daripada 31 haribulan Ogos tahun 1957, hendaklah menjadi sebuah Persekutuan baharu bagi negeri-negeri yang bernama Persekutuan Tanah Melayu.

Dan bahawasanya oleh kerana telah dipersetujui pula di antara kedua-dua pihak dalam perjanjian tersebut iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Hendaklah daripada tarikh yang tersebut itu. Tamat daripada menjadi sebahagian daripada jajahan takluk Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen tidak lagi berhak menjalankan apa-apa jua kedaulatan baginda di atas kedua-dua buah negeri yang tersebut itu.

Dan bahawasanya oleh kerana telah bersetuju pula di antara kedua-dua pihak yang tersebut iaitu perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 dan segala perjanjian-perjanjian lain yang ada sekarang, di antara Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Duli-Duli yang Maha Mulia Raja-Raja ataupun salah seorang daripada baginda-baginda itu sebelum tarikh yang tersebut hendaklah dibatalkan mulai daripada tarikh itu. Dan semua kuasa dan hak-hak Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen ataupun Parlimen negeri United Kingdom dalam negeri Selat yang tersebut itu ataupun yang berhubung dengannya ataupun negeri-negeri Melayu seluruhnya, boleh tamat dengan sendirinya.

Dan bahawasanya oleh kerana Duli Yang Maha Mulia Baginda

Queen, Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, Parlimen negeri United Kingdom dan Majlis Undangan Persekutuan dan negeri-negeri Melayu. Telah meluluskan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 itu berjalan kuat kuasanya.

Dan bahawasanya oleh kerana sebuah perlembagaan bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah ditentukan menjadi sebuah kanun yang muktamad baginya dan bahawasanya oleh kerana perlembagaan persekutuan yang tersebut itu maka ada disediakan syarat untuk menjaga keselamatan, hak-hak dan keutamaan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, serta hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan untuk memajukan Persekutuan Tanah Melayu dengan aman dan damai serta teratur. Sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai Raja yang berperlembagaan berdasarkan demokrasi cara berparlimen.

Dan bahawasanya oleh kerana Perlembagaan Persekutuan yang tersebut itu telah diluluskan oleh suatu undang-undang yang diadakan oleh Majlis Undang Persekutuan serta dengan undang-undang yang diadakan oleh negeri-negeri Melayu dan dengan ketetapan-ketetapan di dalam Majlis Undangan Negeri Melaka dan Pulau Pinang, dengan demikian Perlembagaan

itu telah berjalan kuatkuasanya pada 31 haribulan Ogos tahun 1957.

Maka dengan nama Allah yang maha pemurah lagi Maha Mengasihani, saya Tunku Abdul Rahman Putra Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Perdana Menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu dengan persetujuan dan perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja negeri-negeri Melayu dengan ini memasyur dan mengistiharkan bagi pihak umat Persekutuan Tanah Melayu bahawa mulai daripada tiga puluh satu haribulan Ogos tahun seribu sembilan ratus lima puluh tujuh maka Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi di dalamnya negeri-negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau Pinang dengan limpah rahmat Allah Subhanahuwataalla akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa.

SOALAN - SOALAN

1. Tunku Abdul Rahman adalah Perdana Menteri Malaysia yang ke berapa dan pada tahun berapakah beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia?

2. Apakah nama panggilan manja Tunku Abdul Rahman semasa beliau kecil?

3. Mengapakah Tunku Abdul Rahman di gelar "Bapa Kemerdekaan"?

4. Apakah erti kemerdekaan dan mengapakah Tunku menuntut kemerdekaan?

5. Kenapakah Tunku Abdul Rahman tinggal di istana dan apakah nama istana tersebut?

6. Mengapakah Guru Besar Tunku Abdul Rahman memarahi beliau memakai pakaian bertatahkan emas?

7. Pada umur berapakah Tunku dibawa abangnya untuk belajar di negara Siam serta berikan nama abang dan sekolah beliau?

8. Pada tahun berapakah Tunku Abdul Rahman pulang ke tanah air dan kenapa?

9. Namakan sekolah dimana Tunku berjaya menduduki darjah tertinggi iaitu darjah tujuh dan apakah aktiviti yang beliau ceburi di sekolah itu?

--

10. Sukan apakah yang amat diminati oleh Tunku Abdul Rahman dan apakah nama pertandingan yang diasaskan oleh beliau kerana minatnya itu?

--

11. Siapakah anak raja yang Tunku Abdul Rahman temui semasa menuntut di England dan apakah nama Universiti tersebut?

--

12. Apakah jurusan yang di ambil oleh Tunku Abdul Rahman semasa menuntut di Universiti di England itu?

--

13. Berikan nama kesatuan yang di tubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman bersama rakannya semasa mereka menuntut di England?

--

14. Nyatakan tempat Tunku Abdul Rahman bekerja dan jawatan beliau pada tahun 1931 dan 1933?

--

15. Pada umur berapakah Tunku Abdul Rahman menamatkan zaman bujangnya dan siapakah nama isteri

--

16. Berapa ramaikah anak Tunku Abdul Rahman hasil perkahwinan beliau dengan kedua-dua isteri beliau dan siapakah nama anak-anak beliau itu?

--

17. Tunku Abdul Rahman adalah orang yang mengilhamkan satu pertandingan membaca Al-Quran, berikan nama pertandingan tersebut?

Tunku Abdul Rahman, walaupun beliau

18. Pada tahun berapakah Tunku Abdul Rahman meninggal dunia dan di manakah jenazah beliau dikebumikan?

Meninggal dunia dan di manakah jenazah beliau dikebumikan?

AKTIVITI

1. Buat kajian anda sendiri tentang Tunku Abdul Rahman serta catitkan pada nota anda dan kemudian buat karangan, puisi atau sajak berkenaan beliau.

Anda boleh mendapatkan bahan-bahan mengenai Tunku Abdul Rahman dengan :

- a) Melawat memorial Tunku Abdul Rahman
- b) Menyenaraikan buku-buku tulisan Tunku Abdul Rahman dan penulis lain tentang beliau dan membaca buku-buku tersebut.
- c) Menyenaraikan nama dan tempat dimana jalan-jalan, bangunan-bangunan, kolej-kolej dan lain-lain yang diberi nama sempena nama Tunku Abdul Rahman.

2. Kibarkan bendera Malaysia setiap kali sambutan Hari Kebangsaan iaitu pada 31 Ogos pada setiap tahun sebagai tanda kita berbangga menjadi rakyat Malaysia dan menghargai jasa Tunku Abdul Rahman memerdekakan negara.

MORAL

1. Walaupun kita bernasib baik bukan bermakna kita mesti melupakan orang yang bernasib malang. Contohilah Tunku Abdul Rahman, walaupun beliau seorang anak raja yang hidupnya mewah, beliau tidak pernah lupa kepada rakyat dan menolong orang lain yang susah.
2. Kita mestilah rajin belajar disamping aktif dalam aktiviti yang berguna supaya apabila kita dewasa kita akan menjadi rakyat yang berguna dan dapat menolong orang lain yang berada dalam kesusahan.
3. Jangan kita lupakan jasa-jasa orang yang telah membantu kita dalam menjalani kehidupan seperti ibu bapa, guru-guru, pemimpin-pemimpin dan rakan-rakan kita.

MAKNA PERKATAAN

Demam malaria - penyakit yang disebabkan oleh nyamuk

Taun - penyakit yang disebabkan oleh lalat

Berkaki ayam - Tidak memakai apa-apa di kaki

Bertatahkan - berhiaskan

Tengkolok - tanjak, kain penutup kepala

Baham - makan dengan gelojoh

Risiko - kemungkinan menghadapi bahaya atau kerugian

Perkenan - keizinan

Berangkat - bertolak atau berlepas

Disemadikan - dikuburkan, dikebumikan

Daif - kekurangan, kelemahan, hina

Tertambat hati - terpikat

Merintis - orang yang pertama mengusahakan sesuatu

Pembasmian - menghapuskan, menghilangkan

Latihan:

1. Buat ayat menggunakan setiap perkataan yang bergaris di atas.
2. Cari makna lain bagi setiap perkataan yang bergaris di atas.

Buku ini adalah berupa suatu catatan kisah hidup seorang insan diterima rakyat dari semua kaum menjadi pemimpin sebagai 'Perdana Menteri' pertama negara kita. Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sungguhpun seorang Putera Sultan memerintah tentunya memiliki apa saja yang dikehendakinya. Tetapi Tunku memilih jalan sukar meniti hidup dengan meninggalkan kesenangan dan menerajui perjuangan rakyat.

Disebabkan kualiti peribadi yang ada pada dirinya maka Tunku tidak sukar mendampingi rakyat daripada semua peringkat dan golongan. Tunku yang berpandangan jauh berjaya meyakini tiga kaum terbesar iaitu, Melayu, Cina dan India bersatu dalam sebuah negara yang aman dan harmoni.

Walaupun di zamannya, Tunku yang bertaraf 'elit Melayu' dan anak raja tetapi, disebabkan keharmonian hatinya itu beliau mengetepikan segala kemewahan hidup demi semangat juang dan jatidiri yang tinggi.

Segala peranan yang dimainkan Tunku merupakan 'total komitmen' dalam merealisasikan kepercayaan dirinya.

Dengan penerbitan buku 'Perdana Menteri Kita' ini dapatlah menambahkan lagi bilangan bahan bacaan setiap perpustakaan dan akan menjadi koleksi peribadi.



JUZ' ART (000978011-D)
32 Jalan Watan 7,
Taman Sri Watan,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel/Fax : 03-4296 6718
E-mail : juzart@hotmail.com

ISBN 983-99269-4-2



9 789839 926941